



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang  
Anugerah Perdana  
Teknologi  
Maklumat 2006

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/2/8 (9)  
Tarikh : 17 Februari 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**PENGECUALIAN SYARAT KURSUS KENEGARAAN DI TAHAP KECEKAPAN 1 (TK1) DAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT SELEPAS PEMANSUHAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan memansuhkan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2010 yang berkuat kuasa 1 Januari 2011, Kursus Kenegaraan yang merupakan komponen PTK di Tahap Kecekapan 1 (TK1) juga dihentikan pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bersetuju untuk mengecualikan syarat menghadiri Kursus Kenegaraan kepada pegawai yang telah lulus PTK di TK1 dan keputusan PTK pegawai dianggap lengkap walaupun belum menghadiri Kursus Kenegaraan. Pegawai yang mendapat Aras IV di TK1 layak untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dalam tahun 2011.

3. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat mulai 1 Januari 2011 juga perlu diselaraskan terutama yang melibatkan pencapaian PTK. Oleh itu, penetapan tarikh kenaikan pangkat mulai 1 Januari 2011 adalah seperti berikut:

- a) Pegawai yang telah lulus PTK – Tarikh kenaikan pangkat adalah berdasarkan tarikh memangku atau tarikh lulus PTK mana yang terkemudian; dan
- b) Pegawai yang belum lulus PTK – Tarikh kenaikan pangkat tidak awal dari 1 Januari 2011.


Butiran terperinci pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Ketetapan ini hendaklah digunakan dalam menetapkan tarikh kenaikan pangkat pegawai yang terlibat semasa memperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan sehingga ketetapan baru dikeluarkan.

5. Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan dalam menimbangkan pegawai bagi urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat boleh memberi keutamaan kepada pegawai yang telah lulus PTK tetapi ia juga tertakluk kepada syarat skim, merit, kesesuaian dan kepentingan perkhidmatan serta kriteria lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

LAMPIRAN A

PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT SETELAH  
PEMANSUHAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)  
MULAI 1 JANUARI 2011

BIL	KATEGORI PEGAWAI	KAEDAH PENETAPAN KENAIKAN PANGKAT	CATATAN
1.	<b>Pegawai yang sedang memangku</b>  (i) Lulus PTK  (ii) Belum Lulus PTK	Tarikh kenaikan pangkat adalah berdasarkan tarikh memangku atau lulus PTK mana yang terkemudian  Tarikh kenaikan pangkat adalah <b>tidak awal dari 1 Januari 2011</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang berkuatkuasa</li></ul>
2.	<b>Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan semasa</b>  (i) Lulus PTK  (ii) Belum Lulus PTK	Tarikh kenaikan pangkat adalah pada tarikh genap 15 tahun atau tarikh lulus PTK mana yang terkemudian  Tarikh kenaikan pangkat adalah <b>tidak awal dari 1 Januari 2011</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang berkuatkuasa</li><li>• Dibaca bersama Surat Edaran JPA(S)NP. 134/1 Klt.19/s.k 2 (11) bertarikh 14 Mei 2009 dan JPA(S)NP.134/1 Klt.19/s.k 2 (17) bertarikh 3 Julai 2009</li></ul>
3.	<b>Pegawai yang ditamatkan pemangkuan kerana tidak melepas PTK</b>	Pegawai boleh diperakuan untuk pemangkuan semula mulai <b>1 Januari 2011</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang berkuatkuasa serta kekosongan jawatan</li></ul>